



**DR MAHATHIR** diiringi SM Mohd Idris melancarkan buku 'On Becoming Alijah', di Carcosa Seri Negara, semalam. – Gambar oleh Shukor Rahim

# Dr M perjelas isu beri balak

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa kerajaan di bawah pentadbirannya memberikan kayu balak kepada Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe sebagai usaha mempromosikan komoditi itu di negara berkenaan dan bukan khusus digunakan untuk membina istananya.

Beliau berkata, adalah tidak benar bahawa Malaysia menderma kayu itu sebagai sebahagian daripada pembiayaan membina struktur istana Mugabe di Harare seperti yang didakwa Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang baru-baru ini.

"Malaysia memberi kayu balak kepada semua pihak dan ia dilaku-

kan untuk mempromosikan kayu balak negara ini," katanya ketika diminta mengulas perkara itu di sini, semalam.

Beliau ditemui selepas melancarkan buku 'On Becoming Alijah', di Carcosa Seri Negara, semalam. Antara lain, buku karangan Philip Zachariah itu mengisahkan perjuangan dan pengalaman aktivis sosial, Allahyarham Datuk Dr Alijah Gordon yang meninggal dunia pada November tahun lalu.

Dalam satu temu bual dengan televisyen Britain *Sky News* baru-baru ini, Mugab berkata sebahagian daripada pembiayaan membina istananya diperoleh dari kerajaan Malaysia dan China.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, perjuangan Dr Alijah sangat mengagumkan kerana sanggup berkorban bagi kesenangan orang lain.

Beliau berkata, Allahyarham adalah pejuang hak asasi kemanusiaan Palestin dan mula terbabit dalam isu Palestin pada 1952 ketika menuntut di Fakulti Undang-undang Awam dan Kerajaan, Universiti Columbia, Amerika Syarikat.

Hadir sama, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengafah Beit Atfal as-Samoud dari Beirut Lebanon, Kasim Aina dan Pengerusi Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia (MSRI), SM Mohd Idris.